

# Perlawanan persahabatan eratkan hubungan

BII 18 SEP 2013 V16

**Labuan:** Pasukan badminton Universiti Malaysia Sabah Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan perlawanan persahabatan dengan Kolej Matrikulasi Labuan (KML), baru-baru ini.

Pada perlawanan itu, kedua-dua pasukan yang diberisi kakitangan, pensyarah dan pelajar berjaya menunjukkan mutu permainan menarik.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata penganjuran perlawanan itu bertujuan memantapkan persediaan anak buahnya menghadapi pelbagai pertandingan sama ada pada peringkat UMS mahupun institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam program itu berkena, acara berkenaan juga dapat menguatkan hubungan persahabatan antara kedua-dua pihak yang turut mempunyai jalinan kerjasama baik dalam bidang akademik, kurikulum dan hal ehwal pelajar.

## Manfaat bersama-sama

"UMSKAL sebagai satu-satunya universiti cawangan tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa mengalukan jalinan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk manfaat bersama.

"Diharapkan melalui perlawanan



Barisan pemain badminton UMSKAL dan KML yang menjayakan **perlawanan persahabatan baru-baru ini**.

sukan seperti ini, nama UMSKAL akan lebih dikenali oleh warga tempatan, termasuk pelajar KML

yang bakal melanjutkan pengajian mereka ke UMS," katanya. Sementara itu pasukan KML

diketuai oleh Pengarahnya, Sawang @ Rizal Amit, dalam perlawanan berkenaan.